

04 JUN 1998

MAHATHIR-MATAWANG/I

MATAWANG BERSAMA ASIA SUKAR DILAKSANA, KATA DR M

Oleh: Michael Raj

TOKYO, 4 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ide satu matawang bersama Asia bagi urusan sebagai satu jalan keluar daripada krisis ekonomi adalah sukar untuk dilaksanakan.

Sungguhpun ekonomi-ekonomi serantau telah terjejas teruk oleh ketidak tentuan matawang, ia bukanlah sesuatu yang boleh dilaksanakan dengan mudah, katanya menjawab satu soalan sama ada terdapat keperluan untuk satu matawang bersama Asia seperti Euro untuk membantu memulihkan ekonomi-ekonomi serantau.

"Akan terdapat banyak pro dan kontra mengenai ide itu. Ia mungkin mengambil masa yang lama sebelum ia menjadi kenyataan tetapi terdapat cara-cara lain bagi negara-negara Asia untuk berdagang tanpa perlu mencari satu matawang bersama," katanya.

Beliau berkata demikian semasa sesi soal-jawab pada persidangan Nikkei International bertema "Masa Depan Asia" di sini di mana beliau diminta mengulas pelbagai isu.

Kepada satu lagi soalan mengenai bagaimana peniaga-peniaga matawang boleh dikawal daripada mengakibatkan kerosakan kepada ekonomi-ekonomi melalui aktiviti-aktiviti spekulatif mereka, katanya negara-negara di mana mereka tinggal patut bersetuju sedikit untuk menyekat atau mengawal selia mereka sungguhpun mereka beroperasi di luar pesisir.

Dr Mahathir, secara menyindir, juga berkata, "di dalam orde baru ekonomi dunia, mereka yang mempunyai paling banyak wang kini jangan dihalang dengan apa carapun walaupun jika mereka mencetuskan pemberontakan, mengakibatkan berjuta-juta orang menganggur, itu tak apa.

"Ini adalah hak perdagangan bebas sekiranya itulah falsafah dunia dan diterima oleh setiap orang, maka kita akan mendapat kegawatan ekonomi dan kemudah ruapan matawang selama-lamanya."

Dr Mahathir, yang sedang dalam lawatan kerja lima hari ke Jepun, juga berkata Jepun pasti memperolehi keuntungan daripada pelaburan yang semakin cepat memasuki Malaysia kerana ia boleh membantu sebahagiannya Tokyo pulih daripada kemerosotan ekonominya sendiri.

Perdana Menteri berkata pelaburan Jepun, sama ada dalam keupayaan produktif atau di dalam projek-projek pembiayaan pembangunan infrastruktur, boleh membantu Malaysia pulih daripada krisis matawang itu.

"Sebuah Malaysia yang makmur hasil daripada pelaburan seumpamanya, sebaliknya akan menjadi pasaran yang amat baik dan secara tidak langsung akan membantu pengeksport-pengeksport Jepun untuk pulih," tambahnya.

Bagaimanapun, beliau kesal terhadap pengunduran Jepun daripada skim menyelamat untuk membantu ekonomi-ekonomi Asia Tenggara yang bermasalah kerana terjejas oleh krisis matawang selepas ia menunjukkan keghairahan yang tinggi pada mulanya.

Sungguhpun ia bersedia untuk memberi AS\$50 bilion, katanya Jepun mengalah akibat tekanan daripada pihak-pihak tertentu yang mendakwa bahawa bantuan Jepun akan menghapuskan keberkesanan bantuan yang diberikan oleh Tabung Matawang Antarabangsa (IMF).

Dr Mahathir turut menyentuh mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC), sambil berkata bahawa Malaysia sedang mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan keupayaan sumber manusianya dalam menggerakkan pembangunan teknologi tinggi.

Katanya bilangan jurutera yang ada kini di negara ini adalah tidak mencukupi dan "kami telah memulakan program untuk melahirkan kira-kira

7,000 orang jurutera setahun."

"Tiada negara di dunia mempunyai jurutera yang cukup, sama ada di dalam multimedia atau teknologi maklumat tetapi berita baiknya ialah bahawa kami telah membuka negara kepada jurutera-jurutera asing yang boleh bekerja tanpa sebarang sekatan di dalam MSC tidak seperti sektor-sektor lain."

Dr Mahathir berkata, "Kami menjangka menarik agak banyak jurutera asing yang akan bekerja di dalam persekitaran yang serupa betul dengan di negara sendiri sambil kami mulai melahirkan lebih banyak jurutera."

Mengenai kemungkinan penapisan di dalam MSC, katanya tidak ada penapisan sama sekali Internet kerana sesiapa sahaja boleh memuatkan apa-apa pun di dalam jaringan itu.

"Tidak ada cara untuk menyekat mereka, sebarang percubaan tidak akan berkesan. Misalnya, apa akan berlaku jika kita tidak suka sex di dalam web, jadi kita wujudkan perisian yang mengenyah perkataan "sex" daripada Internet. (Jadi) semua daerah Inggeris seperti Middlesex dan Sussex tidak akan dipaparkan di dalam Internet," katanya yang mencetuskan gelak ketawa daripada lebih 200 peserta pada simposium itu.

Bagaimanapun, katanya Malaysia akan terus mengamalkan kebebasan akhbar berasaskan kepada tanggung jawabnya untuk melindungi kestabilan sosial, ekonomi dan politiknya, terutamanya daripada konteks masyarakat pelbagai kaum.

Kepada satu lagi soalan mengenai bahaya keupayaan produktif yang berlebihan di negara-negara Asean yang terbabit dalam aktiviti-aktiviti ekonomi yang serupa seperti besi dan keluli dan juga industri pembuatan kereta dan sama ini boleh mengakibatkan satu lagi krisis, katanya:

"Ya, memang ia akan menyebabkan satu lagi krisis, tetapi tahapnya tidaklah sebegitu besar kerana sedikit orang akan jatuh tetapi tidak akan berlaku sebarang keburukan kepada yang lain sebaliknya ia akan memberi pengajaran kepada orang lain.

"Tetapi bahaya yang lebih besar ialah sekiranya cuma terdapat segelintir syarikat keluli besar di dunia dan apabila runtuh mana-mana antara mereka akibat tidak bersetuju untuk mengawal pengeluaran, penutupan mereka akan membawa bencana yang besar."

Pada yang serupa menunggu bank-bank besar seperti yang mempunyai aset melebihi AS\$600 juta, yang boleh menyebabkan pengeluaran wang di seluruh dunia jika ia gagal dan mungkin tidak pulih, katanya, mengibaratkannya seperti cerita "humpty dumpty" yang apabila ia jatuh "semua pengikut raja tidak dapat mencantumkanya seperti sediakala."

"Di negara saya, kami telah melihat banyak kebangkrapan tetapi kerana syarikat-syarikat itu kecil, ia tidak mengakibatkan seluruh negara menjadi muflis," katanya, sambil menambah bahawa "kita terpaksa berhati-hati untuk menjadi terlalu besar."

-- BERNAMA

MR SHY OS